

## 1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan bertujuan bagi memastikan Pemasangan Paparan Iklan Luaran mengambilkira aspek keselamatan awam, keselesaan, nilai estetik, rekabentuk bandar kawasan, dan pandangan penduduk Bandaraya Petaling Jaya. Ianya juga bertujuan untuk membantu syarikat pengiklan dan mana-mana pihak yang berkaitan untuk melibatkan diri di dalam industri pengiklanan di Petaling Jaya.

## 2.0 DEFINISI DAN KATEGORI PAPARAN IKLAN LUARAN

### 2.1 Definisi

- i. Menurut Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Iklan luaran ditafsirkan sebagai ***"apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan, ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lai, di atas apa-apa papan dendeng, kekotak elektronik, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar, pokok, rangka, plat, kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana bahagiannya, di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, tempat tumpuan awam, di atas mana-mana tanah, termasuklah tanda langit, belon, banting, sepanduk, poster, tanda arahan dan papan tanda tetapi tidak termasuk suatu iklan pilihanraya"***.

### 2.2 Kategori Paparan Iklan Luaran

- i. Paparan Iklan Luaran boleh dikategorikan sebagai Iklan Tanda Langit (Sky Sign), Iklan Dinding dan Iklan Elektronik (LED). Paparan iklan ini dipasang secara terbuka atau dilekatkan pada bangunan / struktur seperti jejantas, jejambat atau tembok.

### **3.0 JENIS-JENIS PAPARAN IKLAN LUARAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN MERANCANG**

#### **3.1 Undang-undang yang berkaitan**

##### **3.1.1 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).**

Seksyen 19 (1) Tiada seorang pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya dibawah seksyen 22 atau dilanjutkan dibawah subseksyen 24(3).

##### **3.1.2 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)**

Seksyen 70 (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.

#### **3.2 Jenis-Jenis Paparan Iklan Yang Memerlukan Kebenaran Merancang**

- i. "Billboard" (bersaiz 10' x 20', 10' x 40' dan 20' x 40' atau apa-apa saiz yang dibenarkan oleh Majlis)
- ii. "Twinpole" dan "Unipole" (bersaiz 20' x 60', 40' x 60' dan 20' x 80' atau apa-apa saiz yang dibenarkan oleh Majlis)
- iii. Vertical pole bersaiz 30' x 60' dan 40' x 60'
- iv. Iklan di dinding bangunan dan bumbung bangunan ( roof top billboard atau sky sign )
- v. Iklan Elektronik – Light Emitting Diode (LED)
- vi. Iklan di jejambat, jejantas, tiang banting tiang lampu ( lamp post bunting ) dan perteduhan bas
- vii. "Gantry" dan 'Giant Gantry"
- viii. Tunjuk arah jalan dengan iklan komersil ( directional sign)
- ix. "Banner" atau apa – apa saiz yang dibenarkan oleh Majlis
- x. "Wall Banner" atau apa – apa saiz yang dibenarkan oleh Majlis
- xi. "Light box"
- xii. Papan Iklan Sementara bersaiz 8' x 12' (Maksimum 3 bulan)
- xiii. Ambient media ( bentuk 2D dan 3D atau apa-apa saiz yang dibenarkan oleh Majlis.

#### 4.0 POLISI KERAJAAN NEGERI BERHUBUNG PAPARAN IKLAN LUARAN

4.1 Seseorang yang memohon bagi mendirikan paparan iklan dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut :-

- i. Kebenaran pemilik Tanah / perjanjian sewaan dengan pemilik tanah memberi kebenaran untuk tujuan mendirikan struktur iklan luaran, serta menjelaskan bayaran insurans tanggungan. Jika di atas tanah kerajaan (Termasuk *Right of Way (R.O.W)*), maka pemohon mesti menandatangani perjanjian penyewaan dengan Majlis. Kadar penyewaan akan ditetapkan oleh Majlis.

#### 5.0 GARIS PANDUAN PEMASANGAN PAPARAN IKLAN LUARAN

##### 5.1 Penentuan lokasi

##### 5.1.1 Aspek Keselamatan Awam / Pengguna Jalanraya

- i. Paparan iklan ***tidak dibenarkan*** menghalang atau melindungi papantanda trafik (trafic sign) dan peralatan kawalan lalulintas seperti lampu isyarat dan sebagainya.
- ii. Paparan iklan yang menghalang jarak pandangan pemandu kenderaan tidak dibenarkan.
- iii. Mesej dan rekabentuk paparan iklan hendaklah jelas dan tidak mengelirukan pemandu kenderaan.
- iv. Bilangan perkataan dan grafik yang digunakan hendaklah jelas, terhad, ringkas dan tepat supaya pemandu tidak mengambil masa yang lama untuk membaca mesej yang disampaikan dalam paparan iklan.
- v. Paparan iklan yang mengganggu perhatian pemandu kenderaan dan boleh mendatangkan kekeliruan dengan menggunakan perkataan seperti "BERHENTI", "BAHAYA" atau apa-apa perkataan, simbol atau warna yang menyerupai mana-mana kandungan papan tanda atau alat kawalan lalulintas yang boleh mengelirukan pengguna jalanraya adalah tidak dibenarkan.

- vi. Paparan iklan ***tidak dibenarkan*** diletakkan di mana terdapat kawasan yang dipasang alat keselamatan CCTV supaya tidak menghalang rakaman sekiranya ada jenayah berlaku.
- vii. Struktur paparan iklan ***tidak dibenarkan*** menghalang laluan pejalan kaki.
- viii. Struktur paparan iklan ***tidak dibenarkan*** di bina di kawasan bercerun yang boleh mendatangkan bahaya pada pengguna jalan raya.
- ix. Pemasangan paparan iklan yang mendatangkan bahaya kepada orang awam dan harta benda dari risiko keruntuhan ***tidak dibenarkan***.
- x. Pemasangan paparan iklan berlampu yang menyilaukan pandangan dan bercahaya ke tahap yang boleh menghadkan penglihatan pengguna jalanraya ***tidak dibenarkan***.
- xi. Paparan iklan ***tidak dibenarkan*** menghalang laluan “fire escape” atau cara-cara untuk menuju ke “fire escape” serta yang menutup cermin dan tingkat bangunan.
- xii. Paparan iklan ***tidak boleh*** dipautkan kepada papan tanda jalan atau isyarat atau disekalikan dengan papan tanda jalan atau isyarat yang menyebabkan kekelirian terhadap papan tanda jalan atau isyarat.
- xiii. Struktur paparan iklan ***tidak dibenarkan*** di bina rizab laluan kemudahan yang diselenggara oleh agensi kerajaan seperti rizab Rintasan Letrik TNB., rizab sungai dan rizab jalan kecuali mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu.

### 5.1.2 Aspek Kualiti Persekitaran dan Nilai Aestetik

- i. Pemasangan paparan iklan hendaklah bersesuaian dari segi bilangan saiz dan perletakkannya supaya dapat mempertingkatkan kualiti visual persekitaran.
- ii. Paparan iklan **tidak dibenarkan** dipasang di laluan – laluan protokol Majlis.
- iii. Paparan iklan **tidak dibenarkan** dipasang dan melindungi mana-mana bangunan kemudahan awam atau berkepentingan seperti bangunan ibadat, bangunan institusi, bangunan ‘mercu tanda’ dan lain-lain bangunan yang dikenalpasti oleh pihak Majlis sebagai bangunan berkepentingan.

Paparan iklan **tidak dibenarkan** dipasang dalam jarak 1,000 kaki ( 300 meter ) dari mana – mana bangunan kemudahan awam atau berkepentingan seperti bangunan ibadat, bangunan institusi, bangunan ‘mercu tanda’ .

- iv. Permukaan terbuka pada paparan iklan dan struktur penyokongnya **tidak dibenarkan** menjejaskan visual persekitaran. Dengan itu penyokong struktur berbentuk kerangka tidak dibenarkan.
- v. Permukaan pendawaian elektrik pada paparan iklan hendaklah ditempatkan di bawah tanah atau disorok dari pandangan awam, meter dan penyambungan pada struktur hendaklah diintegrasikan dengan rekabentuk keseluruhan struktur.
- vi. Pemasangan paparan iklan **tidak dibenarkan** di dalam bulatan, sekitar bulatan, pulau jalan atau kawasan lapang yang mana lanskap diutamakan.
- vii. Pemasangan paparan iklan **tidak dibenarkan** di simpang tiga dikawasan yang mempunyai bangunan atau kawasan lapang/padang permainan.
- viii. Pemasangan paparan iklan hendaklah pada perkadaran yang sesuai dengan kelebaran jalan dan ketinggiannya hendaklah tidak merosakkan keharmonian garisan langit.

### 5.1.3 Aspek Keselesaan Awam

- i. Pemasangan paparan iklan yang menyilaukan pandangan dan bercahaya ke tahap yang boleh menimbulkan kacau ganggu serta ketidakselesaan kepada penghuni-penghuni kediaman **tidak dibenarkan.**
- ii. Struktur paparan iklan yang menghalang laluan siarkaki awam dan boleh menggugat keselesaan pejalan kaki **tidak dibenarkan.**
- iii. Pemasangan paparan iklan hendaklah dibangunkan secara teratur dan tidak menyekat atau menghadang samada secara keseluruhan atau sebahagian, manamana paparan iklan kepunyaan orang lain.
- iv. Kawasan lapang awam hendaklah dimanfaatkan untuk kemudahan dan keselesaan orang awam dan pemasangan paparan iklan yang boleh menyalahkan fungsi **tidak dibenarkan.**

## 5.2 Garispanduan Saiz Dan Anjakan

Jadual 1: Garispanduan saiz, hirarki dan anjakan paparan iklan luaran

Hirarki Jalan	Saiz Jalan / had kelajuan	Saiz Iklan Yang Dibenarkan	Jarak minima dari simpang jalan	Anjakan minima
Lebuhraya/Jalan Persekutuan/Jalan utama	60 m – 20m (197 kaki – 66 kaki) / 100 km/jam	<b>Saiz :</b> 40' x 60'/20'x 60' <b>Ketinggian:</b> 60 ' hingga 100' <b>Saiz:</b> 15' x 25'/10' x 40' <b>Ketinggian :</b> 20' hingga 40'	50 meter	3 meter/ 10 kaki dari bahu jalan atau jarak yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta Jabatan Kerja Raya yang mana lebih tinggi.

Jalan Utama/Pengagihan Tempatan	20 m – 12m (66 kaki – 40 kaki) / 80 – 60 km/jam	<b>Saiz :</b> 20'x 60' <b>Ketinggian:</b> 60 ' hingga 100' <b>Saiz:</b> 15' x 25'/10' x 40' <b>Ketinggian :</b> 20' hingga 40'	50 meter	3 meter/ 10 kaki dari bahu jalan atau jarak yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta Jabatan Kerja Raya yang mana lebih tinggi.
Jalan Pengagihan Tempatan	15 m – 12m (50 kaki – 40 kaki) / 50 km/jam	<b>Saiz:</b> 15' x 25'/10' x 40' <b>Ketinggian :</b> 20' hingga 40'	50 meter	3 meter/ 10 kaki dari bahu jalan atau jarak yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta Jabatan Kerja Raya yang mana lebih tinggi.


Catatan : Majlis berhak meminta jarak / anjakan lebih tinggi atas sebab-sebab keselamatan awam dan keadaan setempat, atau sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang yang sedang berkuatkuasa atau undang-undang baru.

### 5.3 Rekabentuk Paparan Iklan

Rekabentuk paparan iklan yang ditetapkan adalah seperti di Rajah 1.


Rajah 1 : Contoh Rekabentuk Paparan Iklan Luaran

#### A. Paparan Iklan Jenis 'Twinpole'







B. Paparan Iklan Jenis 'Unipole'



C. Paparan Iklan Jenis 'City Light'



D. Paparan Iklan Jenis 'Pylon'



E. Paparan Iklan Jenis 'Minipole'



## 5.4 Visual Pengiklanan

- i. Kandungan visual iklan mestilah bersesuaian dengan barangan yang ingin diiklankan. Kandungan yang mengeksploitasikan wajah dan tubuh seseorang khususnya wanita dan tiada kaitan dengan barangan yang ingin diiklankan tidak dibenarkan. Unsur-unsur eksploitasi selainnya terhadap golongan lelaki, kanak-kanak dan orang kurang upaya juga tidak dibenarkan.
- ii. Kandungan pengiklanan hendaklah tepat dan ikhlas terhadap maklumat yang diberi.
- iii. Kandungan mestilah menggalakkan kepada amalan berbudi bahasa dan nilai-nilai murni antara pelbagai lapisan umur dan kaum di Malaysia tanpa unsur-unsur diskriminasi sosial.
- iv. Kandungan yang mengiklankan rokok, arak dan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perjudian atau perlakuan negatif lain tidak dibenarkan.
- v. Kandungan yang memaparkan gambar wanita atau lelaki dalam pakaian atau aksi yang menjolok mata tidak dibenarkan.
- vi. Kandungan yang memaparkan wajah-wajah pelbagai kaum di Malaysia adalah digalakkan.
- vii. Penggunaan corak yang bercirikan Warisan Negara adalah digalakkan.
- viii. Kandungan yang memberikan gambaran positif terhadap pelbagai budaya masyarakat Malaysia adalah digalakkan.
- ix. Setiap paparan iklan mestilah menggunakan Bahasa Malaysia di samping penggunaan bahasa-bahasa lain.
- x. Penggunaan Bahasa Malaysia hendaklah dipastikan betul dan tepat dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tata bahasa dan sebagainya mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

- xi. Penggunaan bahasa hendaklah sopan dan tidak mempunyai sebarang konotasi negatif.
- xii. Paparan wajah warganegara Malaysia diwajibkan dan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 50% atau lebih dalam paparan iklan.
- xiii. Pengecualian paparan wajah bukan warganegara Malaysia hanya diberikan kepada iklan-iklan tempatan yang mempromosikan pelancongan Malaysia ke negara asing dan juga kepada syarikat-syarikat penerbangan / kembara / pelancongan negara-negara asing.
- xiv. Kandungan yang memberikan gambaran persekitaran tempatan adalah digalakkan.
- xv. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan dan jika Bahasa Malaysia digunakan bersama dengan apa – apa bahasa lain dalam sesuatu iklan, saiz perkataan Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar.
- xvi. Visual iklan yang dicadangkan hendaklah mematuhi Kod Etika Paparan Iklan yang dikeluarkan oleh *Advertising Standards Authority Malaysia. ( ASA )*
- xvii. Ukuran panel berukuran 4' x 8' bagi iklan twinpole dan 2' x 4' bagi jenis iklan lain dan perlu diletakkan di sudut bawah sebelah kanan papan iklan tersebut bagi mempamerkan nombor lesen dan nama syarikat. Bagi panel iklan twinpole, saiz huruf / no lesen adalah 1.0 kaki dan 6 inci bagi iklan yang lain.

## **6.0 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

### **6.1 Kaedah Pengemukakan Pelan Dan Memproses Permohonan**

#### **6.1.1 Tanah Kerajaan (TOL Majlis)**

- (i) Semua jenis - jenis papan iklan hendaklah mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang yang dikemukakan melalui Unit Pusat Setempat (OSC).
- (ii) Permohonan dirujuk ke Jabatan Perancangan pembangunan untuk diproses dan Jabatan Kejuruteraan untuk ulasan dari segi kesesuaian lokasi.
- (iii) Satu lawatan tapak bersama Ahli Jawatankuasa Kecil Iklan yang boleh turut dihadiri wakil Persatuan Penduduk akan dijalankan untuk menentukan kesesuaian lokasi tapak.
- (iv) Sekiranya tapak diluluskan, Jabatan Perancangan Pembangunan akan memohon kelulusan TOL dari Pejabat Tanah Daerah Petaling.
- (v) Setelah kelulusan TOL tapak diperolehi, perjanjian antara Majlis dengan syarikat sebagai penyewa akan ditandatangani dan menjelaskan apa-apa bayaran yang diperlukan.
- (vi) Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan pelan struktur untuk kelulusan Jabatan Kawalan Bangunan.
- (vii) Setelah "Footing" siap dibina, syarikat dikehendaki memaklumkan Majlis bagi satu lawatan tapak diadakan memastikan pembinaan tidak menjejaskan keselamatan awam, kualiti persekitaran dan nilai estetik dipelihara.
- (viii) Apabila Jawatankuasa Kecil Iklan berpuashati, maka pihak syarikat boleh memasang struktur binaan.
- (ix) Permohonan untuk visual dikemukakan ke Bahagian Pelesenan untuk kelulusan. Pemohon dikehendaki

menjelaskan bayaran lesen iklan. Bagi syarikat pengiklan yang telah mempunyai klien, permohonan visual hendaklah dikemukakan serentak atau selepas pengemukaan pelan struktur.

- (x) Kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur hendaklah diperbaharui setiap tahun, Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan memperbaharui kelulusan sebelum tamat tempoh kelulusan atau selewat-lewatnya pada bulan November setiap tahun.

### **6.1.2 Tanah / Bangunan Persendirian**

- (i) Semua jenis – jenis papan iklan hendaklah mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang yang dikemukakan melalui Unit Pusat Setempat (OSC). Permohonan hendaklah dikemukakan oleh pemilik tanah / bangunan.
- (ii) Permohonan dirujuk ke Jabatan Perancangan pembangunan untuk diproses dan Jabatan Kejuruteraan untuk ulasan dari segi kesesuaian lokasi.
- (iii) Notis kepada Tanah Berjiran hendaklah dikemukakan untuk pandangan awam , dan akan dilaksanakan Majlis Mendengar Bantahan Awam sekiranya ada.
- (iv) Satu lawatan tapak bersama Ahli Jawatankuasa Kecil Iklan akan dijalankan.
- (v) Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan struktur untuk kelulusan Jabatan Kawalan Bangunan
- (vi) Setelah “Footing” siap dibina, syarikat dikehendaki memaklumkan Majlis bagi satu lawatan tapak diadakan memastikan pembinaan tidak menjejaskan keselamatan awam, kualiti persekitaran dan nilai estetik dipelihara.
- (vii) Apabila Jawatankuasa Kecil Iklan berpuashati, maka pihak syarikat boleh memasang struktur binaan.

- (viii) Permohonan untuk visual dikemukakan ke Bahagian Pelesenan untuk kelulusan. Pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran lesen iklan. Bagi syarikat pengiklan yang telah mempunyai klien, permohonan visual hendaklah dikemukakan serentak atau selepas pengemukaan pelan struktur.
- (ix) Kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur hendaklah diperbaharui setiap tahun, Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan memperbaharui kelulusan sebelum tamat tempoh kelulusan atau lewat-lewatnya pada bulan November setiap tahun.

## **6.2 Orang Yang Mengemukakan Permohonan**

Permohonan Kebenaran Merancang boleh dikemukakan oleh syarikat pengiklan.

## **6.3 Senarai Semak Untuk Pengemukaan Permohonan Untuk Kelulusan Kebenaran Merancang/ Sewa Tapak**

- (i) Empat (4) salinan Pelan Tapak yang ditandatangani oleh pemilik tanah dan pihak syarikat sebagai pemohon.

*(Pelan susunatur bersaiz minama A2 yang menunjukkan jarak "footing" dari bahu jalan, sudut paparan serta jarak papan tanda iklan cadangan dengan papan tanda iklan luaran sediaada.)*

- (iii) Pemohon dikehendaki mengemukakan maklumat – maklumat berikut ;-.
  - a. Form 24 dan 49 syarikat yang disahkan
  - b. Salinan kad pengenalan pengarah syarikat
- (iii) Mengemukakan maklumat keupayaan dan kewangan syarikat yang disahkan oleh akauntan bertauliah
- (iv) Mengemukakan pelan keratan rentas kecerunan tanah tapak yang akan dipasang papan tanda iklan.

- (v) Tiga (3) salinan Laporan Ringkas Cadangan Pembangunan atau "Planning Brief Report" (termasuk butiran syarikat)
- (vi) Satu (1) salinan Hakmilik Tanah yang diperakui, sekiranya tanah persendirian.
- (vii) Pelan Struktur dan bersaiz A4 (bewarna).
- (viii) Satu (1) salinan Visual Paparan Iklan.
- (ix) Satu (1) salinan resit Cukai Tanah dan Cukai Pintu yang terbaru, sekiranya tanah persendirian.
- (x) Gambar foto keadaan tapak sediaada dan pembangunan sekitar.
- (xi) Satu (1) salinan cakera padat yang mengandungi pelan-pelan di perkara (i) dan (iv).
- (xii) Pemohon dikehendaki mengemukakan maklumat – maklumat tambahan yang berkaitan sekiranya diperlukan.

## **7.0 PERMOHONAN STRUKTUR BANGUNAN**

### **7.1 Orang Yang Mengemukakan Permohonan**

Orang yang mengemukakan permohonan termasuk arkitek, jurutera atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftarannya.

### **7.2 Senarai Semak Permohonan Struktur Bangunan**

- (i) Dua (2) salinan Pelan Lukisan Senibina berukuran A1 / A3 yang ditandatangani oleh pemilik tanah dan pihak syarikat sebagai pemohon.
- (ii) Satu (1) salinan Surat Kelulusan Kebenaran Merancang.
- (iii) Satu (1) salinan gambar tapak cadangan.
- (iv) Satu (1) salinan kira-kira dan pelan lukisan berukuran A1 / A3.



### **7.3 Bayaran Deposit**

Bayaran deposit sebanyak RM 5,000.00 dikenakan ke atas paparan iklan luaran bersaiz 10' x 40' ke bawah dan RM 10,000.00 bagi paparan iklan luaran bersaiz melebihi 10' x 40' atau apa-apa kadar yang akan ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa. Bayaran deposit ini boleh dibayar dalam bentuk tunai atau Jaminan Bank (Bank Guarantee)

### **7.4 Pengesahan keselamatan struktur binaan**

Satu sijil pengesahan keselamatan struktur binaan akan dikeluarkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan berdasarkan pengesahan oleh Jurutera Struktur Berdaftar. Sijil ini mempunyai tempoh sahlaku setahun.

## **8.0 PERMOHONAN LESEN IKLAN**

### **8.1 Orang Yang Mengemukakan Permohonan**

Permohonan Lesen Iklan hendaklah dibuat oleh syarikat pengiklan (pemilik struktur binaan iklan).

### **8.2 Senarai Semak Permohonan Lesen Iklan**

- (i). Butiran Nama dan Alamat Syarikat
- (ii) Butiran Jenis Perniagaan
- (iv) Tujuan Iklan
- (v) Maklumat papantanda Iklan (Bilangan, Mukaan, Cara dipamerkan, Nama dan butiran kontraktor Iklan,)
- (vi) Tiga (3) set pelan lakar saiz minima A3 menunjukkan kedudukan tapak, pandangan hadapan dan sisi serta butir-butir terperinci iklan.
- (vi) Empat (4) salinan pelan struktur yang diperakukan jurutera awam / jurutera struktur.

- (vii) Gambar kedudukan iklan.
- (viii) Salinan Kebenaran Merancang
- (ix) Surat Kebenaran Pemilik tanah/bangunan jika berada di tanah persendirian

### **8.3 Permohonan bagi kelulusan visual**

- (i) Setiap visual yang akan dipasangkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Bahagian Pelesenan, Jabatan Khidmat Pengurusan terlebih dahulu .
- (ii) Sebarang cadangan menukarkan visual juga hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pelesenan, Jabatan Khidmat Pengurusan untuk mendapat kelulusan.
- (iii) Bagi tempoh ketiadaan visual dipasang, Majlis adalah berhak untuk menggunakan ruang iklan bagi menyampaikan mesej Sivik yang akan ditetapkan oleh pihak Majlis.

### **8.4 Kadar Bayaran**

- (i) Pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran sewaan tapak dan lain-lain bayaran yang telah ditetapkan oleh Majlis seperti yang dilampirkan.
- (ii) Majlis berhak menetapkan satu bayaran 'lump Sum' untuk menjelaskan semua jenis bayaran atau caj ( misalnya : bayaran sewa tapak, bayaran fees kebenaran merancang, fees permit struktur, bayaran lesen iklan )

### **9.0 Pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang, Permit Struktur dan Lesen Iklan.**

- (i) Kesemua syarat-syarat Kebenaran Merancang, Permit Struktur dan Lesen Iklan hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Sekiranya syarat-syarat tersebut dilanggar, Majlis berhak membatalkan semua kelulusan dan mengambil semula tapak dan menguatkuasakan undang-undang dengan meruntuhkan struktur paparan iklan bagi tanah persendirian.

- (ii) Majlis berhak mengarahkan sesuatu paparan iklan diturunkan, dialihkan atau dipindahkan apabila pihak Majlis berpendapat bahawa paparan iklan tersebut tidak selamat atau tidak sesuai lagi. Bagi tapak paparan iklan yang telah diluluskan oleh Majlis dibawah garis panduan ini, Majlis akan memulangkan baki ( refund the balance charges ) ke atas bayaran sewa tapak berdasarkan kepada tarikh paparan iklan tersebut diturunkan.
- (iii) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan garis panduan ini dengan mana-mana peruntukan undang-undang yang terpakai maka undang-undang tersebut hendaklah diterima dan mengatasi garis panduan ini.
- (iv) Majlis berhak untuk meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa.